

Headline	MHC letak sasaran tajaan RM1 juta		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Apr 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	287 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 17,172		



MHC letak sasaran tajaan RM1 juta

KUALA LUMPUR 17 April - Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) mengumumkan setakat, hari ini, badan induk tersebut telah meraih tajaan berjumlah RM600,000 dan masih berusaha mendapatkan baki RM400,000 bagi melengkapkan sasaran RM1 juta penganjuran kejohanan Siri Akhir Liga Hoki Dunia FIH yang bermula 26 April hingga 4 Mei ini.

Presiden MHC, Datuk Seri Subahan Kamal berkata, pihaknya optimis sasaran berkenaan mampu dicapai terutama bantuan daripada Majlis Sukan Negara (MSN) atau Kementerian Belia dan Sukan.

Katanya, tajaan paling tinggi diterima ketika ini ialah daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang sentiasa memberikan sokongan kepada aktiviti melibatkan sukan hoki.

"Kami amat berbesar hati kerana TNB sudi menjadi penaja utama kejohanan ini dengan nilai tajaan keseluruhan berjumlah RM500,000. Selain itu, kami juga ada meraih tajaan daripada



SUBAHAN KAMAL (tengah) bersama barisan penaja pada Majlis Pengumuman Penaja Siri Akhir Liga Hoki Dunia (FIH) 2019. Turut kelihatan, Timbalan Presiden MHC, Datuk Prof. S. Shamala (tiga kanan). - UTUSAN/MOHD. FARIZWAN HASBULLAH

beberapa pihak termasuk daripada UNITAR dan komitmen mereka amat kami hargai," katanya kepada pemberita selepas

majlis pengumuman tajaan di sini, hari ini.

Pada kejohanan itu skuad negara diundi dalam Kumpulan B

bersama China, Brazil dan Itali, manakala, Kumpulan A terdiri daripada Kanada, Austria, Wales dan Belarus.